

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019 &
PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN 2020
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN**

27 Ogos 2020 - Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Pelancaran Bulan Kebangsaan 2020 telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Royale Chulan Seremban. Majlis bermula pada jam 2.30 petang dan berakhir pada jam 5.00 petang.

Majlis ini telah dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku oleh semua kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Majlis diteruskan lagi dengan ucapan oleh YAA Dato' Abas Bin Nordin, Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Majlis turut diserikan dengan kehadiran dif-dif kehormat yang terdiri daripada Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan, Ketua Pendaftar, Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Sembilan, Penolong-Penolong Pendaftar JKNS dan Ketua-Ketua Unit JKNS.

Majlis diteruskan dengan agenda utama program yang dimulakan dengan penyampaian penghargaan kepada Pesara-Pesara Jabatan dan diikuti dengan penyampaian penghargaan kepada pegawai-pegawai yang telah bertukar keluar ke jabatan lain.

Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 merupakan program pertama kalinya dilaksanakan di JKNS berikutan pandemic Covid-19 yang melanda tanah air. Seramai tujuh (7) orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 telah menerima Sijil Penghargaan beserta Sijil Simpanan Pendidikan (SSPN-i) berjumlah RM 1,000.00. Beberapa kriteria telah ditetapkan oleh Panel Pemilihan Perkhidmatan Cemerlang yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Jabatan bagi memilih mereka yang benar-benar layak dan boleh dijadikan model kepada pegawai lain. Penghargaan dan pengiktirafan yang diterima ini diharap akan menyuntik semangat pegawai untuk terus berkhidmat dengan lebih dedikasi dan penuh iktizam bagi membawa JKNS ke tahap yang lebih cemerlang.

Majlis penuh gemilang diteruskan dengan Pelancaran Bulan Kebangsaan 2020 yang telah diserikan dengan gimik crystal ball. Majlis kemudiannya disusuli dengan nyanyian Lagu Jalur Gemilang serta Lagu Tanggal 31 Ogos dengan penuh semangat patriotik oleh semua jempunan yang hadir.

GALERI



